



Sahabat Alam Malaysia Friends of the Earth Malaysia

For Environmental Justice

10, Jalan Masjid Negeri,
11600 Pulau Pinang, Malaysia
Tel No: +604 827 6930
Email: foemalaysia@gmail.com
<https://www.foe-malaysia.org>

Surat Kepada Pengarang

11 Mac 2026

BANTAHAN GLOBAL: Jangan Sertai UPOV 1991

Sahabat Alam Malaysia (SAM) bersama Forum Kedaulatan Makanan Malaysia (FKMM) telah mengemukakan sebuah petisyen antarabangsa kepada YAB Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Anwar Ibrahim. Petisyen ini telah ditandatangani oleh 97 organisasi antarabangsa, serantau, dan kebangsaan dari seluruh dunia bagi mendesak kerajaan Malaysia agar mempertimbangkan semula secara teliti hasrat untuk menyertai Konvensyen UPOV 1991. Menerusi petisyen tersebut, gabungan organisasi-organisasi ini menggesa agar perlindungan penting yang sedia ada di dalam Akta Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan 2004 (Akta PNPV 2004) tidak dihapuskan semata-mata untuk mematuhi ketetapan UPOV 1991.

Antara sebab utama bantahan ini disuarakan adalah kerana undang-undang sedia ada, iaitu Akta PNPV 2004, telah terbukti berkesan dalam menawarkan rangka kerja perundangan yang seimbang. Akta ini berjaya melindungi hak pembiak baka komersial, di samping mengekalkan hak para petani untuk menyimpan, menggunakan, menukar, dan menjual benih dari ladang mereka sendiri. Selain itu, akta sedia ada turut menyediakan langkah-langkah perlindungan yang penting untuk mencegah biopirasi terhadap sumber genetik tumbuhan Malaysia serta memberi ruang dasar kepada kerajaan untuk melindungi kepentingan awam dan nasional, yang mana perlindungan seumpama ini tidak wujud di dalam Akta UPOV 1991. Penyertaan ke dalam UPOV 1991 dibimbangi akan merosakkan sistem sedia ada yang direka dengan baik serta berfungsi secara berkesan.

Tambahan pula, cadangan pindaan Akta PNPV 2004 untuk mematuhi UPOV 1991 dikhuatiri akan membuka laluan kepada kenaikan harga benih yang mendadak, menyokong penguasaan asing terhadap sektor benih Malaysia, dan seterusnya melunturkan kedaulatan benih serta makanan negara. Perkara ini diburukkan lagi apabila Kementerian Pertanian baru-baru ini didapati telah menyerahkan draf penuh pindaan yang mematuhi UPOV 1991 ini kepada Majlis UPOV dengan membelakangkan proses demokrasi yang telus, tanpa sebarang perundingan bermakna bersama pihak berkepentingan yang terjejas, khususnya para petani kecil dan komuniti orang asal.

Di peringkat global, Konvensyen UPOV 1991 kekal sebagai salah satu instrumen antarabangsa yang paling kontroversi, di mana ia telah mencetuskan pelbagai siri bantahan dan cabaran perlembagaan. Sebagai contoh, Mahkamah Agung Honduras dan Mahkamah Tinggi Kenya telah mengisytiharkan undang-undang berkaitan UPOV 1991 sebagai tidak berperlembagaan. Malah, pakar-pakar antarabangsa, termasuk Pelapor Khas PBB mengenai Hak Terhadap Makanan, secara konsisten menasihati negara-negara membangun agar mengelak daripada menyertai UPOV 1991. Sebaliknya, instrumen ini dilihat hanya dikonseptualisasikan bagi memajukan kepentingan komersial industri benih Eropah, dengan negara-negara maju seperti Belanda, Jerman, Perancis, Switzerland, Amerika Syarikat, dan Jepun muncul sebagai penerima manfaat utamanya.

SAM dan FKMM amat berharap agar YAB Perdana Menteri mempertimbangkan petisyen dan keluhan ini demi melindungi hak petani kecil tempatan dan kedaulatan makanan negara. Kami menyeru kerajaan agar menunjukkan kepimpinan dengan memberhentikan cadangan pindaan UPOV tersebut dan terus mempertahankan Akta PNPV 2004 yang sedia ada yang telah terbukti keberkesanannya.

Meenakshi Raman
Presiden
Sahabat Alam Malaysia (SAM)